

Bab

2

BAB 2

KITAB TĀRĪKH AL-RUSUL WA AL-MULŪK

2.0 Pendahuluan

Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulük* atau dikenali juga sebagai *Kitab Tārīkh al-Umam wa al-Mulük* merupakan sebuah kitab Sejarah yang dikarang oleh Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī. Ia merupakan sumber rujukan Sejarah Islam yang paling awal dan terdahulu¹.

2.1 Introduksi kitab

Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulük* juga dikenali sebagai *Tārīkh al-Umam wa al-Mulük* dan terkenal dengan nama *Tārīkh al-Ṭabarī* dikatakan sebagai kitab Sejarah Islam yang pertama terlengkap. Ia mengandungi himpunan riwayat-riwayat sejarah yang dikumpulkan oleh al-Ṭabarī. Banyak persoalan-persoalan tentang umat Islam sehingga akhir abad ke-3 yang hanya didapati dalam kitab tersebut.² Ia merupakan kitab sejarah dalam bahasa Arab yang sempurna³.

¹ Muhammad Fathī 'Uthmān, Dr. (1992) *al-Madkhal ilā al-Tārīkh al-Islām*, Lubnan : Dār al-Nafā'is, h. 162

² TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Penerbit Djambatan, Jakarta, h. 363

³ Sayyidah Ismā'il Kāsyif, Dr. (1983), *Masādir al-Tārīkh al-Islāmī wa Manāhij al-Bahthu fīhi*, Lubnan : Dār al-Rā'id al-'Arabi, h. 44

Kitab *Tārīkh al-Tabarī* merupakan sumber rujukan dalam penulisan ahli-ahli Sejarah sesudah al-Tabarī dalam menulis kitab-kitab sejarah seperti Maskawayh, Ibn al-Athīr, Ibn Khaldūn dan Abū al-Fidā' serta al-Dhahābī⁴. Mereka menyandarkan kenyataan mereka kepada tulisan al-Tabarī.

Ibn al-Athīr dalam pendahuluan kitabnya *al-Kāmil fī al-Tārīkh* menyebut:

*"Saya mulai menulis kitab ini dengan berpegang kepada kitab tarikh yang agung yang dikarang oleh al-Imam Abū Ja'far al-Tabarī. Kerana kitab inilah yang lengkap, dan kepadanya lah dijadikan rujukan di kala ada perbezaan pendapat"*⁵.

Yaqūt di dalam kitabnya *Mu'jam al-Udabā'* menyatakan bahawa penulisan kitab *Tārīkh al-Tabarī* telah dimulakan selepas tahun 290 Hijrah⁶ dan berjaya disempurnakan oleh al-Tabarī pada hari Rabu, 3 hari sebelum berakhirnya Rabiul Akhir, 303 Hijrah⁷.

2.2 Pengertian Kitab

Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* bermaksud kitab sejarah para rasul dan raja-raja. Kitab ini yang mengandungi peristiwa-peristiwa yang bermula dari tahun sebelum hijrah Nabi Muhammad S.A.W sehingga salah tahun 302 Hijrah.

⁴ *Ibid.*

⁵ Ibn Athīr (1965), 'Izuddin Abī al-Hasan 'Alī bin Abī al-Kirām Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin 'Abd al-Wāhiḍ al-Thībānī al-Ma'ruf, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, 12j. Lubnan : Dar Beirut, h. 3

⁶ Al-Tabarī (1997), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j. I. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 7

⁷ Al-Tabarī (1987), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, j. I. Lubnan: Dār al-Fikr, h. 2

2.3 Nama kitab

Para penulis Sejarah Islam yang terkemudian telah menulis di dalam buku karangan mereka dengan dua nama yang sering digunakan iaitu kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* dan kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*. Walau bagaimanapun penggunaan nama kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* sering digunakan dan diringkaskan dengan nama *Tārīkh al-Tabarī*.

Penulis mendapati penggunaan nama kitab yang berlainan ini adalah bergantung kepada pencetak kitab *Tārīkh al-Tabarī*, sebagai buktinya Dār al-Ma‘ārif, Mesir mencatatkan sebagai *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, sementara Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah⁸, Dār al-Fikr, Beirut, Lubnan⁹ dan Dār al-Qāmus al-Hadīth, Beirut, Lubnan¹⁰ mencatat sebagai *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*.

2.4 Latar belakang penulisan kitab

Kitab *Tārīkh al-Tabarī* ini merupakan komplemen kepada kitab tafsir karangan beliau iaitu *Tafsīr al-Tabarī*. Kandungan kitab ini telah disusun mengikut urutan tahun Hijrah. Ia dikarang bersandarkan kepada sanad-sanad yang tersusun dalam meriwayatkan peristiwa-peristiwa¹¹ dan juga riwayat-riwayat yang belum dibukukan. Pengumpulan peristiwa dibuat semasa beliau dalam perjalanan

⁸ Al-Tabarī (1997), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, 6 j. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah

⁹ Cetakan pada tahun 1987

¹⁰ Al-Tabarī (t.t.), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, Dār al-Qamus al-Hadīth, Lubnan : Maktabah al-Bayān

¹¹ Sayyidah Ismā‘il Kāsyif, Dr.(1983), *op.cit.*, h. 44

menuntut ilmu daripada ulama-ulama terkenal¹². Sekiranya terdapat percanggahan fakta dalam penulisan peristiwa sejarah, beliau akan merujuk kepada Hadith dan sahabat serta kitab-kitab lama. Al-Tabarī dalam menulis kitab *tārikhnya*, *Tārīkh al-Tabarī* telah menjadikan kitab *al-Sīrah* karya Muhammad Isḥāq Ibn Khuzaymah sebagai rujukan. Beliau juga bersumberkan kepada karya ‘Umar bin Syabbah berjudul, *Akhbār Ahl Baṣrah* dan karya Naṣr bin Muḥāzim berjudul *Tārīkh* serta lain-lain¹³.

2.5 Metode penulisan kitab

Kitab *Tārīkh* ini mempunyai nilai yang tinggi kerana metode penulisannya yang unik dan ini telah diakui oleh sejarawan-sejarawan moden.

Al-Tabarī menggariskan metod pensejarahannya menerusi disiplin hadith dan tafsir dengan menganggap peristiwa-peristiwa sejarah sama seperti hadith-hadith Nabi S.A.W dari segi periyatannya. Setiap berita mesti bersandarkan sanad pembawanya dan mesti diikuti rangkaian sanadnya sehingga sampai kepada asal berita. Ini kerana, sanad adalah satu-satunya bukti dalam menentukan kesahihan riwayat atau sebaliknya. Oleh itu, al-Tabarī begitu berhati-hati agar setiap riwayat disandarkan kepada pembawanya. Al-Tabarī juga menyebut silsilah sanad di dalam setiap keadaan. Justeru itu, didapati bahawa kebanyakan dari riwayat-riwayat al-Tabarī adalah riwayat yang berbeza-beza dan bercanggah di

¹² TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *op.cit.*, h. 363

¹³ *Ibid.*

antara satu sama lain. Oleh itu, pembaca mestilah melihat setiap riwayat dengan berhati-hati dan mengkajinya¹⁴. Di atas dasar ini, al-Tabārī meletakkan keputusannya kepada perawi¹⁵.

Al-Tabārī memulakan penulisan kitabnya dengan menyebut nama Allah, memuji-muji Rasūlullah S.A.W¹⁶. Kitab beliau mengandungi :

- i. Pendahuluan
- ii. Pandangan beliau tentang masa, dan perbezaan pendapat tentang masa
- iii. Mengenai manusia yang terbahagi kepada dua :
 - iii.i Bermula dengan kejadian Nabi Ādam a.s sehingga sebelum Hijrah
 - iii.ii Dari bermula Hijrah sehingga tahun 302 Hijrah

2.6 Kandungan Asas kitab

Kitab *Tārīkh al-Tabārī* bermula sejak beberapa abad sebelum Islam, antara lain termasuklah permulaan kejadian, sejarah masyarakat Arab sebelum Islam, peristiwa nabi-nabi dari Nabi Ādam a.s, sejarah Bani Isrā'īl, raja-raja Babil dan sejarah pemerintahan Parsi¹⁷. Sementara di bahagian sejarah Islam, al-Tabārī

¹⁴ Muhammad Fathī 'Uthmān (1992), *op.cit.*, h. 167

¹⁵ *Ibid.*, h. 165

¹⁶ Al-Tabārī (1987), *op.cit.*, h. 2

¹⁷ Muhammad Fathī 'Uthmān (1992), *op.cit.*, h. 161

memulakan dengan sejarah Nabi Muhammad S.A.W, riwayat hidup Nabi Muhammad S.A.W dari semenjak peristiwa Hijrah sehingga tahun 302H.

2.7 Pembahagian pembincangan

Antara pembahagian perbincangan kitab, al-Tabarī mengetengahkan sejarah Nabi Ādam a.s dan nabi-nabi permulaan serta sistem pemerintahan mereka.

Pada bahagian selanjutnya, beliau mengetengahkan sejarah kekuasaan Sasania (Persia). riwayat-riwayat yang berhubungan dengan Sejarah Sasania tersebut dikutipnya dari naskhah berbahasa ‘Arab tentang raja-raja Persia yang diterjemahkan oleh Ibn al-Muqaffā’.

Seterusnya, Sejarah Nabi Muhammad S.A.W dan Khulafā’ al-Rāsyidin. Sementara sejarah Dinasti ‘Umayyah dihuraikan dalam bab yang tersendiri. Kandungan kitabnya diakhiri dengan sejarah Dinasti ‘Abbāsiyah yang ditulis sehingga tahun 302 Hijrah.

2.8 Sumber kitab

Dalam mengumpulkan bahan-bahan sejarah, al-Tabarī bersandarkan kepada sumber-sumber dan perawi-perawi yang meriwayatkannya¹⁸. Pengumpulan riwayat-riwayat itu dilakukannya ketika beliau melakukan pengembalaan menuntut ilmu dan belajar daripada ulama-ulama termasyhur. Dikatakan bahawa al-Tabarī mengutip sumber peristiwa-peristiwa kejadian alam dari Wahb bin Munabbih¹⁹. Beliau bersumberkan Ibn Jurayj al-Rumi pada cerita-cerita Nasrani. Banyak riwayat-riwayat yang dipetik dari mereka yang berbangsa Yahudi dan Nasrani seperti ‘Abd al-Rahman bin Danial dan Asbat²⁰.

Al-Tabarī mengutip sumber sejarah hidup Nabi Muhammad S.A.W. daripada Ibn Ishāq²¹. Dikatakan bahawa al-Tabarī menulis semula kitab sejarah Ibn Ishāq dan memasukkan perkembangan Islam ke dalam kitab *tārīkhnya*²². Ibn Ishāq merupakan orang yang pertama menggunakan metode penulisan kronologi. Al-Tabarī juga memungut maklumat dan fakta sejarahnya daripada Ibn Hisyām (w 218H)²³.

¹⁸ H.A Muin Umar (1988), *Historiografi Islam*, Jakarta : Rajawali Pers, h. 89

¹⁹ *Ibid.*, h. 160

²⁰ *Ibid.*

²¹ Ibn Ishāq telah mencatatkan sejarah hidup Nabi Muhammad kepada 3 bahagian iaitu bahagian pertama, peringkat Nabi Muhammad diutus menjadi rasul dan perperangan yang dilakukan dan menitikberatkan tentang Sejarah wahyu sebelum Islam. Sementara bahagian kedua pula, tentang kehidupan Nabi Muhammad di Mekah, dan bahagian terakhir, kehidupan Nabi Muhammad di Madinah. TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *op.cit.*, h. 432

²² Metro (8 Ogos 1999), *Tokoh Islam*, h. 15

²³ Ibn Hisyām telah meringkaskan kitab sejarah karya Ibn Ishāq dan menghapuskan bahagian pertama. Kitab beliau mengandungi sejarah hidup nabi-nabi sejak daripada Nabi Ādam a.s sehingga kepada Nabi Ibrāhim, keturunan Nabi Ismā'īl bukan daripada salasilah keturunan nabi dan suku-suku Arab serta kepercayaan mereka. TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *op.cit.*, h. 432

Di samping itu juga, beliau memanfaatkan karya ‘Umar bin Syabbah dalam ilmu Hadith yang berjudul kitab *Akhbār Ahl Baṣrah* (Informasi tentang Penduduk Basrah), karya Naṣr bin Muzāhim (*Tārīkh*), *Sīrah Muḥammad* karya Ibn Iṣhāq dan kitab-kitab yang ditulis oleh Abū Mikhnaf, al-Wāqidī, Ibn Sa‘ad, Muḥammad al-Kalabī, Hisyām al-Kalabī, al-Madāīnī, Sayf bin ‘Umar, Ibn Tayfur dan lain-lain. Walau apapun, tokoh-tokoh yang berwibawa yang menjadi rujukan al-Ṭabarī²⁴ termasuklah :

i. Abū Mikhnāf (w.157H/774M)

Al-Ṭabarī mengambil sebanyak riwayat sepenuhnya berdasarkan tulisan Abū Mikhnāf Lūṭ Bin Yahyā bin Sa‘id bin Mikhnaf bin Salim al-Azdi al-Ghāmidī, seorang sejarawan Arab yang tertua iaitu sebanyak 585 riwayat²⁵.

ii. Ibn al-Kalbi²⁶

Nama penuh beliau ialah Hisyām bin Muḥammad bin al-Sayb bin al-Kalbi. Al-Ṭabarī telah mengambil riwayat daripadanya sebanyak 300 riwayat yang merangkumi sejarah para *anbiyā'*, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, sejarah al-Khulafā' al-Rāsyidīn dan sedikit sejarah Bani Umayyah²⁶.

²⁴ Ahmad Shalaby (1982), *Sejarah dan Kebudayaan Islam 3*, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD., h. 17

²⁵ ‘Abd al-Rahmān al-Zarī’ī (t.t), *Rijāl al-Syī’ah*, Kuwait: Dār al-Arqam, h. 51

²⁶ Mohd Asri b. Zainul Abidin (2001), *Kaedah Pengambilan Riwayat Sejarah al-Sahābat: Satu Kajian terhadap Tārīkh al-Ṭabarī*, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 13, Julai 2001, h. 59

- iii. Al-Wāqidī, Muḥammad bin ‘Umar bin bin Wāqid al-Aslami²⁷
(w. 207H/823M)
- iv. Al-Madā’iñ (w. 215H/830M)²⁸
- v. Abū al-Ḥasan Muḥammad b ‘Alī al-Qurashi²⁹.
Al-Sha‘bī (w. 110H/728M)
- vi. Al-Haytam Ibn ‘Adī (w. 207H/822M)
- vii. Ibn Iṣhāq (w. 150H/767M)
- viii. Mūsā bin ‘Uqbah al-Asadi³⁰

Walau bagaimanapun al-Tabarī telah cuba memberikan kenyataan-kenyataan sebaik yang boleh dengan menunjukkan sumber-sumber dan rangkaian daripada pemindahan-pemindahan riwayat secara berhati-hati.

Apabila didapati ada perbezaan laporan tentang peristiwa-peristiwa yang serupa yang difikirkan oleh al-Tabarī bahawa peristiwa itu perlu dipelihara, beliau akan mengambilnya dan diletakkan di dalam kitab *tārīkhnya*³¹. Dengan ini jelas bahawa peranan al-Tabarī hanyalah menghimpunkan riwayat-riwayat yang sampai kepadanya yang disertakan sanad untuk membolehkan pembaca membuat kajian bagi setiap riwayat yang dibawa.

²⁷ *Ibid.*, h. 60

²⁸ Al-Tabarī bersumberkan tulisan al-Madā’iñ dan Abū al-Ḥasan Muḥammad dalam menjelaskan tentang sejarah Basrah dan wilayah-wilayah termasuk sejarah Khawārij, Khawārij Azāriqah. Ahmad Shalaby (1982), *Sejarah dan Kebudayaan Islam 3*, *op.cit.*, h. 17

²⁹ Ahli sejarah Basrah. *Ibid.*

³⁰ Seorang sejarawan Madinah. Lihat Muḥammad Fathi ‘Uthmān (1992), *op.cit.*, h. 162

³¹ Franz Rosenthal (1968), *A History of Muslim Historiography*, Leiden (t.p), h. 100

2.9 Pembukuan kitab

Setelah meneliti kitab-kitab rujukan, penulis mendapati tidak ada penulis ataupun ahli Sejarah yang memperkatakan tentang pembukuan kitab *Tārīkh al-Tabarī*, yang ada hanyalah usaha-usaha penterjemahan yang dilakukan oleh pengkaji Islam dan orientalis Barat.

Dikatakan bahawa kitab asli berjumlah 10 jilid dan sepuluh kali lebih besar daripada ringkasannya. Kitab ini sudah diulang terbit dalam bentuk ringkasan dan diterbitkan di Leiden.

2.10 Usaha-usaha penterjemahan

Kitab tersebut telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti ke dalam bahasa Persia semenjak abad ke-14 dan ke dalam bahasa Perancis dan bahasa Latin³².

Penterjemahan pertama dibuat oleh Abū ‘Alī bin ‘Abdullah al-‘Alqamī di Parsi atas arahan penguasa Abū ‘Alī Muhammad al-Bal‘amī al-Samānī, seorang Menteri Samaniyah ke bahasa Persia pada tahun 963M³³. Kemudian, terjemahan tersebut diterjemahkan ke bahasa Turki pada zaman pemerintahan Ahmad Basyā.

³² TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *op.cit.*, h. 36

³³ Al-Tabarī (1967), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* Muhammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (tahkik), j. 1, Mesir : Dār al-Ma‘ārif, h. 27

Terjemahan kedua ini dibuat pada tahun 1260H³⁴. Terjemahan ke bahasa Persia merupakan sebuah edisi ringkasan dalam bahasa Persia dan diterjemahkan pula ke dalam bahasa Perancis oleh seorang orientalis, H Zotentberg, di antara tahun 1874 yang mengandungi sebanyak 4 jilid³⁵. Terjemahan ini diterjemahkan pula ke dalam bahasa-bahasa Latin dan diterbitkan pada tahun 1863³⁶.

Dikatakan bahawa orientalis Barat telah menyebarkan kitab ini di Leiden yang mengandungi pendahuluan dalam bahasa Latin, indeks dalam bahasa ‘Arab dan 3 juzuk mengandungi ulasan. Ini dilakukan pada tahun 1879 M dan 1892 M dalam 13 juzuk³⁷.

Walau bagaimanapun, kitab tersebut banyak meringkaskan karya asli al-Tabarī dan menambahnya dengan sumber-sumber lain terutama yang berhubung dengan period-period awal. Kitab ini seterusnya diterjemahkan ke dalam bahasa Turki oleh kerajaan Turki ‘Uthmāniyyah sebanyak dua kali yang dicetak pada tahun 1260 Hijrah³⁸.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Jamil Ahmad (1988), Seratus Muslim Terkemuka, Kuala Lumpur: Syarikat S Abdul Majeed & Co, h. 414. Lihat sama Al-Tabarī (1967), *op.cit.*, j.1, h. 27

³⁶ Al-Tabarī (1967), *op.cit.*, j.1, h. 27

³⁷ Al-Tabarī (1987), *op.cit.*, h. 4

³⁸ *Ibid.*, h. 5

Terdapat juga terjemahan kitab sebanyak 13 volume diterbitkan di Leiden dan disunting oleh M.J de Goeje. Kitab tersebut dinamakan sebagai *Annales Quos Scripsit* yang dicetak di Netherlands pada tahun 1965. Tidak termasuk 2 jilid khusus untuk indeks, prakata dan daftar kata³⁹.

Sebahagian sejarawan menyatakan bahawa kitab *Tārīkh al-Tabarī* diterbitkan di Leiden atas usaha M.J de Goeje pada tahun 1892. Ia mengandungi 23 jilid dan kemudiannya dicetak di Mesir pada tahun 1906 yang mengandungi 13 jilid. Kitab inilah yang dijadikan sumber rujukan utama penulisan sejarah Islam sehingga kini⁴⁰.

2.11 Kedudukan kitab dalam kategori kitab-kitab Sejarah Islam

Kitab *Tārīkh al-Tabarī* ini berada sejajar dengan kedudukan kitab-kitab Sejarah Islam lainnya, yang membezakan di antara kesemuanya adalah metode penyusunan sejarahnya sama ada berbentuk kronologi, biografi, sejarah umum, dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa ianya merupakan kitab rujukan utama pengkaji Islam mahupun orientalis Barat.

³⁹ TIM Penulis IAIN Syarif Hidayatullah (1992), *op.cit.*, h. 415

⁴⁰ H.A Muin Umar (1988), *op.cit.*, h. 89

Kitab *Tārīkh al-Tabarī* dijadikan rujukan utama kepada para sejarawan selepasnya seperti Miskawayh (w.421H), Ibn Athīr (w.630 H)⁴¹ dan Abū al-Fidā' (w.672-732H) serta al-Dhahābī (w.673-749H) yang menggunakan metode pensejarahan yang sama iaitu *hawliyyat*⁴².

2.12 Komentar ulama-ulama

Ramai ulama telah membuat komentar, kritikan dan ulasan terhadap *Tārīkh al-Tabarī* setelah mereka menelitiinya. Kebanyakan mereka memuji dan menyanjung kitab tersebut yang dianggap agung dan ulung.

Ramai para pengkaji yang memanfaatkan kitab ini termasuklah orientalis Barat. Namun, ianya tidak terlepas daripada mendapat komentar dan kritikan.

Dikatakan bahawa terdapat kelemahan kitab al-Tabarī iaitu penulisan sesetengah peristiwa yang terdapat di dalamnya tidak menjadikan al-Qur'ān dan Hadith sebagai rujukan di dalam kajian mengenai sesuatu peristiwa yang disebut di dalam al-Qur'ān dan Hadith. Sesuatu peristiwa tidak dapat difahami tanpa merujuk kepada bab-bab tersebut kerana kedua-duanya merupakan sumber Sejarah Islam yang terpenting⁴³.

⁴¹ Ibn Athir telah menghasilkan karyanya iaitu *al-Kāmil fī al-Tārīkh*

⁴² Nourouzzaman Shidiqqi (1986), *Tamaddun Muslim, Bunga Rampai Kebudayaan Muslim*, Jakarta: Terbitan Bulan Bintang, h. 43

⁴³ *Ibid.*, h. 29

Buktinya, beliau menulis tentang peperangan Badar tanpa berpandukan kepada Sūrah al-Anfāl. Sedangkan surah ini mempunyai kaitannya dengan peperangan tersebut. Al-Ṭabarī hanya memetik beberapa ayat dari surah tersebut yang tidak termasuk di dalam struktur peristiwa, hanyalah ayat-ayat berunsur nasihat dan hukum. Demikian jugalah yang beliau lakukan dengan cerita-cerita peperangan Rasūlullah S.A.W yang lainnya. Sedangkan, ayat-ayat dari Sūrah al-Anfāl memenuhi gambaran tentang peperangan Badar, ayat-ayat dari Sūrah Āli ‘Imrān menerangkan tentang peristiwa yang berlaku di dalam peperangan Uhud dan Sūrah al-Ahzāb menggambarkan peperangan Khandāq. Ini menunjukkan kerana sūrah-sūrah yang terkandung di dalam al-Qur’ān merupakan sumber yang utama kepada sejarah⁴⁴.

Para peneliti mengkritik al-Ṭabarī kerana penumpuannya kepada periyawatan sahaja. Beliau tidak melakukan *ta’wil* dan *tarjih* seperti mana dilakukan oleh ahli Hadith⁴⁵.

Penumpuan kepada riwayat timbul kerana beliau menganggap bahawa hadith merupakan salah satu sumber syariah Islam yang menjadi landasan hukum Fiqh sedangkan sejarah tidak.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 30

⁴⁵ *Ibid.*

Namun, hakikatnya, al-Tabarī meriwayatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku berdasarkan maklumat atau riwayat-riwayat yang diberi oleh orang lain kepadanya. :

"Mungkin penceritanya benar, tetapi beliau terpengaruh oleh suatu perasaan khusus yang mewarnainya dari satu segi atau membuatnya berpaling dari kenyataan. Mungkin pula beliau terpedaya, sehingga beliau menceritakan suatu kisah dari pencerita yang kurang dipercayai atau menerima suatu kejadian tanpa menelitiinya. Jadi, tidaklah mustahil betapa perlunya kritik terhadap kisah-kisah dan meneliti para pencerita yang dikemukakan oleh al-Tabarī dan berusaha meneliti kembali dokumen-dokumen yang asli⁴⁶".

Ibn Athīr (w.630 H) banyak bergantung kepada kepada Kitāb Tārīkh al-Tabarī tuuk juzuk pertama bukunya. Beliau menyebut di dalam mukadimah bukunya, "Saya mulakan dengan buku *al-Tārīkh al-Kabīr* karya al-Imām Abū Ja'far al-Tabarī kerana ia merupakan rujukan utama bagi semua orang dan menjadi sandaran apabila berlaku pertentangan, apabila selesai buku ini saya mengambil buku-buku sejarah lain yang masyhur, saya meneliti dan saya tambahkan bahan-bahan yang saya petik dari buku itu yang tidak terdapat dalam *Tārīkh al-Tabarī* kemudian saya letakkan segala sesuatu pada tempatnya"⁴⁷. Ibn Athīr meneliti dan menghalusi fakta-fakta yang dibentangkan dan mewujudkan jalinan, pemusatkan serta kesimpulan di dalam penulisannya⁴⁸.

Ibn Khaldun turut memberikan komentar terhadap hasil karya ahli sejarah lain seperti al-Mas'ūdī dan al-Wāqidī yang menjadi sumber rujukan al-Tabarī dalam mengumpulkan bahan-bahan penulisan sejarahnya. Menurut beliau, mereka

⁴⁶ Effat al-Sharqawi, Dr (1986), *Filsafat Kebudayaan Islam*, Bandung: Penerbit Pustaka, h. 271

⁴⁷ Osman Hj.Khalid (1988), *Pengenalan Buku-buku Utama Islam*, Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, h. 195

⁴⁸ *Ibid.*, h. 191

melakukan kesilapan daripada kecuaian mereka di dalam pemilihan bahan-bahan sejarah⁴⁹.

Setelah membuat kajian yang rapi dan terperinci terhadap setiap penulis sejarah yang dikumpulkannya, Ibn Khaldūn telah membuat satu kesimpulan bahawa semua ahli sejarah berada di dalam kegelapan, meraba-raba mencari kebenaran sejarah. Oleh kerana itulah mereka tidak dapat membezakan yang mana fakta sejarah yang benar dan yang mana yang salah. Malah, secara umum, mereka mendakwa ia benar. Kekeliruan dan kecelaruan dalam persejarahan ini telah cuba diperbaiki oleh Ibn Khaldūn. Beliau telah menyusun kembali penulisan sejarah dengan penuh ketertiban dan mempunyai aturcara yang tersendiri. Fakta-fakta sejarah disusun kembali sebab-sebab dan bagaimana sesebuah negara itu ditubuhkan, zaman keemasannya dan kehancurannya⁵⁰.

Para penyelidik seperti Wellhausen dan Caetaith mengkaji petikan-petikan yang diambil oleh al-Ṭabarī dari Saif bin ‘Umar dan membandingkannya dengan petikan-petikan yang dibuat oleh ahli-ahli sejarah yang lain. Mereka mendapati bahawa petikan yang dibuat oleh al-Ṭabarī tidak begitu dihalusi walaupun ianya lebih detail dari petikan yang dibuat oleh orang lain⁵¹.

⁴⁹ Mustafa Hj. Daud (1992), *Tamadun Islam*, K.Lumpur : Utusan Publishers & Distributors Sdn.Bhd., h. 234

⁵⁰ *Ibid.*, h. 237

⁵¹ Ahmad Amin (1983), *Dhuha al-Islam II*. Osman Hj Khalid (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 449

Margoliuth turut mengkritik al-Tabari⁵²;

"Upaya sebahagian besar para ahli, yang sezaman dengan al-Tabari didasarkan kepada pemilihan hadith-hadith saih dari sejumlah besar hadith-hadith yang ada pada ketika itu. Memang syarat yang mereka kemukakan tidaklah sama. Namun, mereka seiring mendapat atas sejumlah syarat, dan perlunya kembali kepada hadith dalam hukum. Kami berpendapat bahawa dalam sejarah, al-Tabari melakukan upaya yang serupa dengan apa yang dilakukan oleh Bukhari dan Muslim dalam Hadith, di mana beliau memilih sumber sejarah yang benar dari sejumlah besar sumber sejarah yang dikemukakan dalam buku-buku para pemulis dan sumber-sumber lainnya. Ini mengharuskan kerja berat, tapi penting kerana harus mencatat kejadian-kejadian yang berlangsung sampai pada masanya⁵²".

Franz Rosenthal dalam buku beliau sebuah sejarah mengenai Historiografi⁵³ menyatakan bahawa ;

"Sejarah dunia al-Tabari tidak diragukan lagi lebih penting dibandingkan dengan buku sejarah al-Ya'qubi yang dihujakan orang. Al-Tabari telah menunjukkan ketelitian dan tidak pernah membosankan terutama bagi para teolog. Ketepatan dan kecenderungan pada penggarapan secara sistematis yang disenangi oleh golongan terpelajar"⁵⁴.

2.13 Ulama-ulama sezaman

Antara ulama-ulama yang sezaman dengan al-Tabari seperti al-Kindi (w.260Hijrah/873M) dan al-Farabi (w.339Hijrah/950M). Begitu juga al-Mas'udi (w.345 Hijrah) yang mempunyai metode pengkajian sejarah yang berbeza dengan

⁵² *Ibid.*, h. 274

⁵³ Franz Rosenthal (1963), *'Ilm al-Tarikh 'inda al-Muslimin*. Saleh Ahmad al-'Ili (terj.), Baghdad: Maktabah al-Muthanna

⁵⁴ Jamil Ahmad (1988), *op.cit.*, h. 415

al-Ṭabarī⁵⁵. Antara karya-karya beliau termasuklah *Murij al-Dzahāb* dan *al-Tanbih wa al-Isyrāf*.

Ulama-ulama lainnya pula seperti Muḥammad bin Muslim al-Dinawarī (w.276 Hijrah), juga dikenali sebagai Ibn Qutaybah. Beliau telah menghasilkan karya yang bertajuk Kitab *al-Ma‘arif*. Abū Ḥanifah Aḥmad bin Dāud al-Dinawarī (w.282 Hijrah), penulis kitab *al-Akhbār al-Thiwāl*. Juga, Ibn Wadlih al-Ya‘qūb (w. 258 Hijrah)⁵⁶.

2.14 Kesinambungan kajian kitab

Kajian kitab yang dilakukan oleh al-Ṭabarī hanya sampai ke tahun 915H dan dilanjutkan oleh sejarawan sesudah beliau, Abū Muḥammad al-Farghānī dan Abū al-Ḥasan Muḥammad al-Hamadhānī (w. 1128).

Al-Farghānī adalah murid al-Ṭabarī, lanjutan kajian gurunya ditulis dalam kitab *al-Muzayyil*. Al-Hamadhānī menulis *Takmilāt Tārīkh al-Ṭabarī*, yang merakamkan peristiwa sejarah sampai tahun 1094 Hijrah. Turut sama termasuklah ‘Arib bin Sa‘ad al-Kātib al-Qurtubī yang menulis kitab *Silah Tārīkh al-Ṭabarī* dan dicetak di Leiden⁵⁷.

⁵⁵ Effat al-Sharqawi (1986), *op.cit.*, h. 284

⁵⁶ Nouuzzaman Shidiqqi (1986), *op.cit.*, h. 42

⁵⁷ Al-Ṭabarī (1987), *op.cit.*, h. 5

Dikatakan juga bahawa kitab *Tārīkh al-Tabarī* telah dilakukan penambahan seperti mana yang dikatakan oleh al-Dhahābi⁵⁸, dan ‘Abdullah bin Aḥmad bin Ja‘far⁵⁹.

Dār al-Fikr merupakan pencetak kitab *Tārīkh al-Tabarī* telah melakukan cetakan pada tahun 1987 yang mengandungi sebanyak 10 jilid, jilid ke sebelas merupakan indeks dan yang kedua belas mengandungi kitab-kitab kesinambungan kepada kitab *Tārīkh al-Tabarī* seperti :

- i. *Silah Tārīkh al-Tabarī* oleh ‘Arib bin Sa‘ad al-Qurtubi
- ii. *Takmilat Tārīkh al-Tabarī* oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Mālik al-Hamādani
- iii. *Al-Muntakhāb min Zayl al-Zayl min Tārīkh al-Ṣahābat wa al-Tābi‘īn* oleh Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī.

2.15 Rujukan ulama-ulama terkemudian

Abū al-Khāzin Aḥmad bin Muḥammad bin Ya‘kūb, juga dikenali sebagai Ibn Miskawayh (w 421H), telah menjadikan *Tārīkh al-Tabarī* sebagai rujukan. Antara karya beliau yang terkenal ialah kitab *Tajāri al-Umam*, Kitab *Adāb al-‘Arab wa al-Farsi*, Kitab *Tahdhīb al-Akhlāk*⁵⁹.

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ A Hasymy (1975), *Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 262

Sementara Izuddin Ibn al-Athir (555-632H) telah membuat ringkasan terhadap karya al-Tabariⁱ, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beliau menambah catatan peristiwa sehingga ke tahun 629H iaitu period Perang Salib⁶⁰.

Dikatakan bahawa Syams al-Din al-Dhahabi^j (w.748 Hijrah) juga merujuk kepada kitab *Tārīkh al-Tabari* dalam menghasilkan karyanya. Karya-karya beliau termasuklah *Tārīkh al-Islām wa Tabaqāt Masyayr al-'lām*, *Tabaqāt al-Huffāz*, *Duwāl al-Islām* dan banyak lagi⁶¹.

2.16 Kesimpulan

Kitab *Tārīkh al-Tabari* merupakan sebuah kitab yang memuatkan sejarah masyarakat ‘Arab sebelum Islam, sejarah pemerintahan Parsi, dan sejarah Bani Isrā’il. Pada bahagian sejarah Islam mengandungi sejarah Nabi Muhammad S.A.W dari semenjak peristiwa Hijrah sehingga peristiwa-peristiwa pada tahun 302 Hijrah.

Kitab tersebut dijadikan asas rujukan oleh ulama selepasnya. Namun, komentar memuji dan mengkritik tidak ketinggalan diberikan oleh ulama dan pengkaji sejarah terhadap kitab tersebut.

⁶⁰ Nourouzzaman Shidiqqi (1986), *op.cit.*, h. 44

⁶¹ Effat al-Sharqawi (1986), *op.cit.*, h. 306